

PERKONGSIAN CABARAN PERASAAN DAN PEMIKIRAN KLIEN WANITA HIDUP BERSAMA SUAMI YANG BERPOLIGAMI

Samsiah Jayos
jsamsiah@unimas.my
Nur Atikah Mohd Yazdi
nuratikah92@gmail.com

Program Kaunseling Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

ABSTRAK

Kajian ini berkaitan dengan poligami tetapi dikhususkan kepada wanita Islam yang bersedu. Jika isu poligami ini dibahaskan, ia membuatkan kaum lelaki menyenangnya, manakala wanita mencemuhkannya. Melalui poligami iaitu hidup bersedu pastinya akan mengalami pelbagai cabaran bagi seorang wanita. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh wanita yang bersedu dalam aspek perasaan dan pemikiran. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan reka bentuk kajian ini adalah reka bentuk kajian kes dengan menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka. Hasil temu bual dirakam dengan video seterusnya diatur kepada bentuk transkrip dan dianalisa data kepada tema, sub tema dan sub sub-tema. Sampel kajian adalah bertujuan. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada wanita Islam yang sedang bersedu di sekitar Bukit Mertajam, Pulau Pinang di Semenanjung Malaysia dan Kota Samarahan di Sarawak, Malaysia Timur. Kajian ini melibatkan seorang responden yang merupakan isteri pertama sebagai kajian rintis. Seterusnya empat (4) orang responden sebenar yang terdiri daripada seorang isteri pertama, dua orang isteri kedua dan seorang isteri ketiga. Hasil kajian membincangkan dua (2) cabaran yang dihadapi oleh wanita bersedu iaitu perasaan dan pemikiran. Dari segi perasaan yang dihadapi oleh wanita bersedu iaitu dikenalpasti ada lapan (8) iaitu marah, sakit hati, cemburu, takut, malu, gembira, dihargai dan sayang. Manakala, cabaran dari segi pemikiran terdiri dari enam (6) sub sub-tema iaitu berkaitan dengan agama, jodoh, anak-anak, prinsip hidup, pasrah dan redha. Secara keseluruhannya, kajian ini adalah untuk mengetahui dan memberikan sedikit sebanyak gambaran tentang cabaran perasaan dan pemikiran yang dihadapi oleh wanita yang bersedu terhadap kaunselor dan masyarakat. Selain itu, kajian ini perlulah diperluaskan lagi pada masa akan datang agar keluarga, kaunselor dan masyarakat mendapat pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu ini dengan harapan klien khusus seperti golongan ini dapat dibantu dengan lebih berkesan kerana cabaran perasaan dan pemikiran ini jika tidak ditangani dengan penuh berhikmah akan memberi impak yang negatif

kepada klien wanita yang bermadu seperti kemurungan dan tekanan dalam kehidupan mereka.

Kata kunci: Penerokaan, cabaran, klien, wanita, poligami dan bermadu.

PENGENALAN

Musdah menyatakan secara etimologi perkataan poligami berasal dari bahasa Yunani yang merupakan gabungan dari dua perkataan. Pertama adalah *poli* dan *polus* yang bermaksud banyak dan kedua pula adalah *gamien* dan *gamos* yang bermaksud perkahwinan. Berdasarkan gabungan tersebut, ia dapat disimpulkan bahawa poligami bermaksud perkahwinan yang banyak. Manakala “secara terminologi poligami merupakan salah satu perkahwinan yang satu pihak memiliki atau mengahwini beberapa lawan jenis dalam waktu yang sama”.¹ Selain itu, berdasarkan Norsaadah, *dkk*², “Poligami merupakan perkahwinan antara lelaki dengan ramai wanita”. Selain itu, ada juga isteri yang sanggup untuk menerima poligami dengan alasan untuk melatih diri tidak memiliki sifat dengki, melatih kesabaran dan keikhlasan dalam berbagi kebahagiaan dengan wanita lain dan seterusnya melatih untuk hidup sihat dan bersih. Mereka turut menyatakan kesan umum yang akan terjadi kepada pihak isteri di mana suaminya melakukan perkahwinan poligami ialah akan muncul perasaan *inferior* dalam diri si isteri kerana mereka akan menyalahkan diri sendiri bahawa mereka tidak mampu untuk memenuhi keperluan suami (Idha, 2007; Rizki, 2008; Hafiz Firdaus 2012 & Irfan, 2014).

TEORI

Teori Pemusatan (Person Centre Theory, PCT) merupakan teori utama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Teori ini dijadikan asas kepada penyediaan instrumen bagi kajian ini. Melalui penggunaan teori ini, pengkaji dapat menerima maklumat-maklumat daripada responden dengan baik dan seterusnya membuat kajian mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita bermadu. Menurut Melati *et al.*, PCT diasaskan

¹ Musdah Mulia, *Pandangan Islam tentang poligami*. (Jakarta: Lembaga Kajian Agama dan Gender dengan Persekitaran Solidaritas Perempuan dan The Asia Foundation, 2000).

² Norsaadah Din., Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, & Ahmad Nazeer Zainal Arifin. *Membina perkahwinan berdaya tahan sepanjang hayat melalui pendekatan Al-Quran dan Al-Sunah*. Jurnal Pengajian Islam, (Malaysia: Akademi Islam Kuis, 2014), hal. 174-187.

oleh Carl Rogers. Teori ini menekankan tentang penerimaan dan kefahaman individu lain terhadap klien dan dengan penerimaan dan kefahaman ini boleh membuatkan klien memahami masalah mereka dan berkembang dengan menggunakan sumber-sumber diri. Beliau menganggap bahawa individu tersebut juga dapat berkembang jika terdapat perasaan percaya-mempercayai, hormat-menghormati yang boleh dirasai dan dialami oleh mereka terhadap individu lainnya. Teori ini juga tidak menekankan sebarang teknik yang spesifik kerana berdasarkan Rogers, prinsip teori iaitu keaslian atau tulen, empati dan penerimaan tanpa syarat merupakan penggerak kepada perubahan. Pengkaji mengaplikasikan pendekatan teori ini semasa temu bual dijalankan dengan kebolehan berkomunikasi, keaslian, memahami dengan empati dan menerima tanpa sebarang syarat serta tanpa adanya prejudis terhadap responden. Pengkaji ingin responden merasai kewujudan pengkaji semasa temu bual dijalankan agar responden memberikan jawapan kepada persoalan kajian dengan penerokaan sendiri, keterbukaan sendiri dan terhadap orang lain. Seterusnya, pendekatan teori ini ingin memupuk pendapat bahawa responden ialah rakan kongsi penuh dalam hubungan dan bukanlah rakan yang merendah diri. Oleh itu, kajian ini telah memfokuskan kepada PCT klien kerana untuk memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat dan jawapan subjektif daripada responden berdasarkan persoalan kajian.³

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Analisa data pula secara manual yaitu dari temu bual data diubah kepada transkrip dan kemudiannya diklasifikasi kepada tema, sub tema dan sub sub tema. Lokasi kajian iaitu di Pulau Pinang dan Sarawak, Malaysia. Sampel kajian lapangan ini terdiri daripada empat (4) orang responden dan pengkaji menggunakan pensampelan bertujuan.⁴ Menurut Cresswell⁵ dan Pupu⁶, sampel dipilih secara bertujuan dan menurut tujuan kajian serta kaedah kualitatif ini menggunakan sampel yang

³ Melati Sumari., Ida Hartina Ahmed Tharbe, Norfaezah Md Khalid, & Azmawaty Mohamad Nor. *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014).

⁴ Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Johor Bahru: Institut Pendidikan Guru Malaysia. Hal. 25.

⁵ Cresswell, J. (1998). *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

⁶ Pupu Saeful Rahmat.. Penelitian kualitatif. *Equilibrium*, 2009, 5(9), hal. 1-8

sedikit. Selain itu, bagi memperoleh maklumat berkualiti dalam kajian, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu pada pengumpulan maklumat yang banyak tetapi hanya memberi tumpuan terhadap sampel yang kecil.⁷ Bagi pemilihan sampel, pengkaji telah menetapkan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi untuk dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Kriteria yang ditetapkan adalah responden mestilah seorang wanita Islam. Kedua, kesemua responden mestilah wanita yang sedang bersedu atau berkongsi suami. Berdasarkan Rusli *et al.*, menyatakan pensampelan bertujuan adalah merujuk kepada pengkaji telah mempunyai spesifik kriteria atau ciri-ciri untuk dijadikan sebagai sampel kajian.⁸ Melalui pensampelan ini, pengkaji dapat mengetahui pendapat individu yang disasarkan.⁹ Selain itu, ciri lain responden yang telah ditemui adalah daripada pelbagai status kedudukan sebagai isteri. Untuk responden pertama dan ketiga adalah isteri pertama, responden kedua adalah isteri ketiga, responden keempat dan kelima adalah isteri kedua.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji memilih empat (4) orang responden yang memiliki syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Jadual di bawah merupakan ringkasan tentang latar belakang utama responden yang terlibat.

Jadual 1: Ringkasan latar belakang utama responden.

Bil.	Status Kedudukan Isteri	Umur (Tahun)	Tempoh Berkahwin	Tempoh Bersedu	Jumlah Anak	Pekerjaan
R1	3	45	17	17	1	Berniaga
R2	1	47	19	12	3	Berniaga
R3	2	42	15	15	2	Suri rumah

⁷ Azizah Hamzah, *Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya*. Jurnal Pengajian Media Malaysia 6 (1). 2010.

⁸ Rusli Ahmad, Hasbee Usop, Azman Ismail, Sopian Bujang, & Nur Naha Abu Mansor. *Conducting Research in Social Sciences and Management Studies: Practical and a step-by-step guide*. (Malaysia: RS Publishing House, 2014).

⁹ Moleong, J. L., *Metodologi Penelitian Kualitatif (Edisi Revisi)*. (Bandung: PT. Remaja Rosdakarya, 2000).

R4	2	42	17	17	2	Berniaga
----	---	----	----	----	---	----------

Petunjuk: R = Responden

Berikut perbincangan merujuk Jadual 2 di bawah tema, sub tema dan sub sub-tema cabaran perasaan dan pemikiran wanita yang terlibat dengan poligami. Kupasan lebih mendalam akan disentuh dalam slot perbincangan ini.

Tema : Cabaran

Menurut Nurul Adni¹⁰ menyatakan cabaran yang terpaksa seseorang wanita apa banyak. Rasa tidak sanggup dan tidak boleh menerima yang diri wanita sedang dimadukan oleh suami pun bertahun-tahun masih tidak dapat dipadam dalam sanubari wanita. Malah beliau juga menyatakan perasaan-perasaan yang dirasakan itu adalah sama bagi isteri pertama, kedua, ketiga dan keempat. Kebiasaannya apa yang dilalui dan dihadapi oleh si isteri yang bersedu tidak diketahui kerana mereka tidak meluahkan atau menceritakannya dan mereka mungkin memilih memendam sahaja apa yang terbuku di hati. Implikasinya hidup dalam tekanan dan kemurungan yang jika tidak dibentung menyebabkan wanita akan *burnout* dan *depression* yang tinggi, malah ada yang membawa kepada gangguan mental yang kronik dan bunuh diri (Eni Setiati, 2007; Lathifah Nur Lailiyah *et al.*, 2015).

Menurut Hafiz dalam 202 pelajaran berkenaan poligami iaitu pelajaran 22 menyatakan, dengan poligami ia dapat meningkatkan tahap kasih sayang dan penghargaan antara suami dan isteri. Hal ini kerana manusia menjadi kurang menghargai dan mengasihi apabila seseorang itu sentiasa ada dan hadir dalam kehidupannya setiap hari. Dan bila seseorang itu tidak lagi hadir dalam kehidupannya setiap hari, maka manusia itu akan lebih menghargai dan mengasihi. Selain itu, beliau turut menyatakan dalam pelajaran 191 pula menyatakan kehidupan berpoligami dijadikan satu persaingan yang positif iaitu bukan

¹⁰ Nurul Adni Adnan. (2012, February 27). *Poligami: Bersedia hadapi ombak perasaan~Cahaya hati menuju Ilahi* [Web log post]. Retrieved from <http://sisi-kehidupan.blogspot.my/2012/02/poligami-bersedia-hadapi-ombak-perasaan.html>

persaingan yang hadir dengan perasaan dengki dan cemburu antara isteri-isteri lain untuk mendapat tempat istimewa dan terbaik di hati suami.¹¹

Hushim dalam Zuhayati menyatakan wanita bermadu mempunyai kekuatan tersendiri untuk menghadapi cabaran kerana wanita yang mengambil keputusan untuk bermadu perlu mempunyai jati diri yang kuat serta sabar dalam menangani dugaan hidup. Beliau menyatakan bagi isteri tua, kesabaran adalah aspek yang penting untuk meneruskan rumah tangga dan bagi isteri muda pula, menyibukkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang boleh membuatkan mereka sibuk kerana mereka telah memilih untuk melalui dugaan hidup yang mencabar dengan meneruskan berhubungungan walaupun lelaki tersebut telah beristeri. Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa kebahagiaan rumah tangga adalah bermula daripada hati dan juga tubuh badan yang sihat. Hal ini kerana apabila hati berasa sakit pastinya akan menjejaskan kesihatan jasmani dan beliau menyarankan agar hidup dengan aktiviti yang bermanfaat.¹²

Irfan menyatakan perempuan menerima dan membuat keputusan untuk menjalankan perkahwinan poligami adalah kerana berlandaskan agama.¹³ Pernyataan beliau disokong oleh Ahmad Sunawari, Jaffary dan Kamaruddin, yang mengemukakan hasil dapatan daripada kajian beliau yang menyatakan kebanyakan isteri menerima untuk berpoligami atau bermadu adalah kerana agama dan ini bertepatan dengan dapat dalam cabaran perasaan dalam sub-subtema agama.¹⁴

¹¹ Hafiz Firdaus Abdullah, *202 Pelajaran Berkenaan Poligami*. (Johor Baru: Perniagaan Jahabersa, 2012).

¹² Zuhayati Yazid, *Sukarnya berbahagi suami*. Slot Bicara Agama, (Malaysia: Utusan Malaysia, 2010).

¹³ Irfan Fahmi, *Proses pengambilan keputusan menjadi isteri kedua dalam perkahwinan poligami pada wanita berpendidikan tinggi*. *Psymphatic, Jurnal Ilmiah Psikologi Juni, 1(2)*, hal. 231-243.

¹⁴ Ahmad Sunawari Long, Jaffary Awang, & Kamaruddin Salleh. (2004). *Islam: Past, Present and Future*. Selangor: Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies UKM.

Jadual 2: Penerokaan Cabaran Perasaan dan Pemikiran Klien Wanita Bermadu

Tema dan sub tema Cabaran perasaan dan pemikiran klien wanita bermadu		
Tema	Sub Tema	Sub Sub-Tema
Cabaran	1.Perasaan	1. Marah 2. Sakit Hati 3. Cemburu 4. Takut 5. Malu 6. Gembira 7. Dihargai 8. Sayang
	2.Pemikiran	1. Agama 2. Jodoh 3. Anak-anak 4. Prinsip hidup 5. Pasrah 6. Redha

Merujuk Jadual 2, berikut adalah perbincangan berkaitan dengan sub tema dapatan kajian;

Sub Tema 1: Cabaran Perasaan

Menurut Lathifah *et al.*, perasaan adalah gejala yang memiliki sifat khas subjektif yang berhubungan dengan persepsi dan dialami sebagai rasa senang-tidak senang contohnya seperti sedih-gembira dan ia boleh dalam pelbagai keadaan dan juga tahap peningkatan rasa tersebut.¹⁵

Cabaran perasaan yang dihadapi oleh para responden dalam kajian ini apabila mereka bermadu. Hasil dapatan yang diperoleh dalam kajian ini adalah bertetapan dengan kenyataan yang dibuat oleh Nurul Adni yang menyatakan bahawa apabila suami berkahwin lagi, maka sebenarnya wanita tersebut sedang menuju siri-siri cabaran perasaan yang rumit lagi mencabar antaranya adalah marah, sakit hati, cemburu, takut, malu, gembira, dihargai, dan sayang. Perasaan-perasaan yang dirasai oleh responden adalah berdasarkan pengalaman yang

¹⁵ Lathifah Nur Lailiyah, Ayunda Hardiyanti, Jauharotun Nafi'ah, & Risyda Zakiyah Hanim, *Emosi*. Jember: Universitas Jember, 2015).

dilalui sepanjang responden hidup dalam keluarga bermadu. Ada responden yang merasai perasaan yang sama dengan responden yang lain dan juga sebaliknya.

Dalam Falen ada menyentuh perihal kesejahteraan perasaan bagi penganut agama yang ingin berkahwin lebih dari satu dan isteri yang dimadu tidak dinafikan akan terganggu tahap kesihatannya apabila perasaan terganggu dan diganggu.¹⁶ Kesejahteraan perasaan juga tidak kurang penting dalam berpoligami kerana sebarang cabaran yang dihadapi akan dapat diatasi oleh minda positif seterusnya membawa kepada konsep redha dan pasrah dalam jiwa seseorang wanita yang bermadu ini. Jika positif yang seseorang itu fikir, maka akan positif natijah yang akan datang, *insyallah*.¹⁷

Sub Sub-Tema 1: Marah

Dapatan kajian Huston mendapati apabila individu menunjukkan kemarahan dan mengalami ancaman persekitaran, ia akan bergabung dengan ciri kebimbangan dan akhirnya akan membuatkan mereka perlu menghadapinya dan dapatan ini disokong dengan kenyataan R2. Walaupun responden merasai kemarahan, tetapi akhirnya beliau menghadapinya sendiri. Dapatan ini berbeza dengan dapatan hasil kajian Nurul Adni (2012) yang menyatakan perasaan-perasaan yang dirasakan adalah sama bagi isteri pertama, kedua, ketiga dan keempat. Memang perasaan yang dirasainya adalah sama tetapi dapatan dalam kajian ini menunjukkan perasaan marah responden wujud disebabkan keadaan atau situasi yang berlaku adalah berbeza walaupun mereka sedang bermadu.¹⁸

Sub Sub-Tema 2: Sakit hati

Seterusnya, hasil kajian mendapati bahawa terdapat juga responden yang merasai perasaan sakit hati sehingga boleh memikirkan untuk melakukan sesuatu kepada suaminya

¹⁶ Falen, D. J. (2008). Polygyny and Christian marriage in Africa: The case of Benin. *Africa Studies Review*, 51(2), p. 51-75.

¹⁷ Irfan Fahmi, *Proses pengambilan keputusan menjadi isteri kedua dalam perkahwinan poligami pada wanita berpendidikan tinggi*. *Psymphatic, Jurnal Ilmiah Psikologi Juni*, 1(2), 2014, hal. 231-243.

¹⁸ Huston, T. L, *The social ecology of marriage and other intimate unions*. *Journal of Marriage and the Family*, 62 (2), 2000, p. 298-320.

tetapi kerana fikiran responden masih rasional, tindakan yang difikirkan tidak dilakukannya (Lathifah *et al.*, (2015):

... Sakit hati. Rasa nak terajang ja. Kalau boleh nak terajang suami, memang dah kena dah dia. Tapi kmk pun ada agama, ada otak lagi, sik lah polah kedak yahh, cuma pikir saja la...(R2)

Sub Sub-Tema 3: Cemburu

Hasil dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan hasil kajian Nurul Adni (2012) yang menyatakan perasaan-perasaan yang dirasakan adalah sama bagi isteri pertama, kedua, ketiga dan keempat. Hal ini kerana responden satu yang merupakan isteri ketiga menyatakan bahawa beliau tidak cemburu dengan isteri yang lain manakala lagi tiga responden merasai perasaan cemburu dengan isteri lain. Penulis buku Ta'addudz Zawjat iaitu Dr. Al-Athar dalam Rizki (2008) menyatakan akibat daripada berpoligami, ia akan menimbulkan kecemburuan antara isteri dari isteri jika suami tidak berlaku adil dan bijaksana, kenyataan ini disokong dengan pernyataan yang dibuat oleh R1 dimana perasaan cemburu itu kurang kerana suaminya tidak melebihi isteri yang lain.

.... Perasaan cemburu tu kurang la walaupun bermadu ni. Pakcik pun tak lebihkan mana-mana isteri. Sama ja kalau dia nak bagi, tu pun kalau dia ada rezeki, kalau tak dak, sapa pun tak dapat apa-apa...sik tahu juak kmk nak madah..(R1)

Seterusnya, dapatan kajian ini disokong oleh kajian Rizki¹⁹ yang mendapati perasaan cemburu merupakan fitrah bagi wanita dan perasaan ini lebih kerap muncul apabila berada dalam struktur keluarga yang berpoligami. Dengan poligami, perasaan cemburu ini pasti akan dirasai bagi isteri-isteri yang berkongsi suami kerana tindakan kurang adil yang dilakukan oleh pihak suami terhadap kewajipan yang perlu suami tunaikan terhadap isteri-isterinya. Hal ini ada dinyatakan oleh R3 dan R4 :

¹⁹ Rizki Zulaikha Parlina, *Interaksi sosial dalam keluarga yang berpoligami*. (Medan: Universitas Sumatera Utara, 2008).

... Mula-mula ada la. Tapi sekarang dah tak dak dah. Dulu awal-awal kan, dia selalu kat sana, ngan kita sini jarang-jarang...(R3)

... Mula-mula biasa la ada jugak rasa cemburu tu. Biasa la kan. Cemburu tu pun sebab lambat balik. Dari segi lain tak dak rasanya...(R4)

Sub Sub-Tema 4: Takut

Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa ada responden yang merasai perasaan takut akibat mereka berkahwin dengan lelaki yang sudah mempunyai isteri (Lathifah *et al.*, 2015).
Contoh R1;

... kmk tok takut-takut tu ada la juak... Sebab kmk tok ambik laki sidaknya kan ... (R1)

Sub Sub-Tema 5: Malu

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat juga perasaan malu terhadap orang lain dan ahli keluarga dalam kalangan responden kerana mereka berkahwin dengan suami yang telah mempunyai isteri seperti mana yang dinyatakan oleh R1 dan R3, mereka menyedari hakikat sebenar yang beliau telah berkahwin dengan suami wanita lain (Lathifah *et al.*, 2015).

... Sebab kmk ambik laki dia kan. Dengan orang pun kmk ada juak rasa segan jugak..dalam hati tok...(R1)

... Kita dengan keluarga kita pun rasa malu bila keluarga tanya tentang laki kita. Mula-mula saya sembunyi-semunyi daripada keluarga kata yang suami saya tu adalah sebenarnya laki orang ... (R3)

Sub Sub-Tema 6: Gembira

Perasaan gembira juga hadir seperti mana yang dinyatakan oleh R1 iaitu beliau berasa gembira apabila bersedu kerana boleh tolong-menolong antara satu sama lain apabila berada

dalam kesusahan (Haron, 2007; Lathifah *et al.*, 2015). Ini juga merupakan satu dapatan yang diperoleh berdasarkan kenyataan R1 iaitu:

... Ermm, rasa happy jak. Sebab kadang-kadang bila kmk sakit, sidaknya ada tolong hantar embak kmk ke hospital ...mun kmk fikir balik la, nang ok juak ..rasa elok juga hidup bermadu ni. Bukan sebab apa, bagus jugak dapat tolong-menolong... (R1)

Sub Sub-Tema 7: Dihargai

Hasil dapatan juga mendapati adanya perasaan dihargai yang dirasakan oleh R1 (Lathifah *et al.*, 2015).

... baru kmk..maksik rasa...maksik ni penting dalam hidup dia sebab dia dah bagi tau kat orang lain... (R1)

Dapatan Hafiz dalam 202 pelajaran berkenaan poligami iaitu pelajaran 22 menyatakan, dengan poligami ia dapat meningkatkan tahap penghargaan antara suami dan isteri dan dapatan ini sama dengan apa yang dinyatakan oleh R1. Beliau berasa diri beliau penting dan dihargai oleh suami setelah suami memberitahu tentang perkahwinan mereka kepada orang lain.

Sub Sub-Tema 8: Sayang

Akhir sekali, hasil kajian Hafiz menyatakan, dengan poligami ia dapat meningkatkan tahap kasih sayang antara suami dan isteri. Hal ini kerana manusia menjadi kurang menghargai dan mengasihi apabila seseorang itu sentiasa ada dan hadir dalam kehidupannya setiap hari. Dan bila seseorang itu tidak lagi hadir dalam kehidupannya setiap hari, maka manusia itu akan lebih menghargai dan mengasihi seperti R2 dimana beliau masih tetap menyayangi suaminya walaupun suaminya telah berkahwin lagi. Manakala bagi R3, beliau merasai perasaan sayang tersebut apabila beliau tidak mahu kehilangan suaminya.

... Bila dah lama-lama, kmk pun sejuk sendiri la lagipun kmk tok lagi sayang suami kmk... (R2)

Apa nak buat saya tak mahu kehilangan suami..anak saya tidak ada bapa..depa nanti tak dapat kasih sayang yang seimbang... (R3)

Sub Tema 2: Cabaran Pemikiran

Menurut Bochenski dalam Diah (2009), berfikir didefinisikan pemikiran sebagai perkembangan idea dan konsep dalam diri seseorang melalui proses perjalinan hubungan antara bahagian-bahagian informasi yang tersimpan di dalam diri seseorang yang berupa pengertian dan merangkumi menggunakan banyak aktiviti mental.

Sub Sub-Tema 1: Agama

Agama merupakan pegangan bagi individu dan kajian ini memfokuskan kepada wanita Islam yang bersedu. Dalam agama Islam, lelaki boleh berkahwin dengan empat orang wanita dalam satu masa dan ini yang membuatkan kaum wanita akan hidup sebagai wanita bersedu sekiranya suami berkahwin lagi. Kenyataan di bawah merupakan kenyataan R2 yang menerima untuk bersedu adalah kerana pegangan agamanya.

... cakap kat dia kalau dia kawin, tanggungjawab dia lagi besar, kalau dia tak mampu tu urusan dia ngan Allah, kmk sik mau masuk campur dalam hal tu. Laki boleh kawin banyak dan itu urusan dia lah. Kalau dia tak mampu, itu hal dia dengan Allah. Kita setakat ni sudahlah. Itu la bagi kmk ... (R2)

Berdasarkan kajian Irfan (2014) yang menyatakan perempuan menerima untuk menjalankan perkahwinan poligami adalah kerana berlandaskan agama dan kajian ini selari dengan dapatan kajian mengenai pegangan agama yang dipegang oleh responden dalam mempengaruhi penerimaan beliau dalam bersedu.

Sub Sub-Tema 2: Jodoh

Jodoh adalah perkara yang subjektif dan hanya Allah yang mengetahuinya. Bagi responden kajian, jodoh yang telah ditetapkan oleh Allah adalah suatu anugerah yang tidak

dapat dielak walaupun mereka harus melalui kehidupan sebagai wanita bermadu.²⁰ Kenyataan yang dikeluarkan oleh responden R1, R3 dan R 4 mengenai jodoh untuk menerima bermadu, membuat keputusan untuk terus bermadu dan apa yang difikirkan dalam meneruskan kehidupan bermadu adalah:

... kira jodoh la. Jodoh dah sampai. Bukan kmk kira dia bermadu ka, hensem ka, kaya ka. Kmk pun masih muda masa yahhh tapi dah kata jodoh ni, mau jugak la kawin. Kmk pun bukan buruk sangat masa tu, masih muda lagi tapi sebab jodoh dah datang. Jadi kawin saja la...(R1)

... Saya kenal dengan dia tapi nak kata jodoh la. Kita cuba elak-elak pun kan, masa dulu jadi jugak. Tak tau lah...(R3)

... ni jodoh kita kan. Dah ketentuan kot. Jodoh ...(R4)

Sub Sub-Tema 3: Anak-anak

Cabaran pemikiran ini terhasil apabila seorang ibu yang memikirkan akan masa depan anak-anaknya dalam setiap keputusan yang ingin mereka ambil dimana mereka akan menimbang tara apa kesan yang akan berlaku kepada anak-anak apabila mereka telah putuskan satu hubungan perkahwinan ((Eni Setiati, 2007; Jaymess, 2007).). Selain itu juga, hasil kajian mendapati bahawa responden membuat keputusan untuk terus bermadu adalah berdasarkan anak-anak seperti mana yang dinyatakan oleh R2 iaitu:

... anak pun dah 3. Nak mintak cerai pun nak buat apa nanti. Malas nak turun naik mahkamah. Jadi biarlah. Dia nak kawin, kawin lah. saya tak mau lah anak-anak saya membesar tanpa bapak. Jauh dari bapak depa ...(R2)

²⁰ Jaymess, C. G, *Kehidupan dua orang wanita bermadu* (Degree's thesis). Universiti Malaysia Sarawak,2007.

Sub Sub-Tema 4: Prinsip hidup

Prinsip hidup yang ditanam oleh individu dalam meneruskan kehidupan bermadu adalah merupakan satu pendirian agar dapat menghadapi cabaran bermadu (Eni Setiati, 2007 ; Haron, 2007). Dengan adanya pendirian dan pemikiran seperti ini dapat memberi keharmonian dalam sesebuah keluarga dengan tidak mengganggu keluarga lain seperti mana yang dinyatakan oleh R4 iaitu :

... masalah semalam, kita yang punya sendiri jadi kita yang settle sendiri. Kalau tak dak hal yang mustahak, tak pernah ibuk kacau family bapak belah sana. Selagi ibuk boleh handle sendiri masalah tu, ibuk akan handle sendiri. Cuma kalau melibatkan anak-anak macam depa sakit ka, ibuk terpaksa la bagitau bapak jugak pasai keadaan anak walaupun dia ada kat belah sana...(R4)

Sub Sub-Tema 5: Pasrah dan Sub Sub-Tema 6: Redha

Cabaran pemikiran ini telah diterima oleh keempat-empat responden untuk mereka menerima bermadu, membuat keputusan untuk terus bermadu dan mengharungi kehidupan bermadu ini (Eni Setiati, 2007; Ibu Diah Sulistyorini, 2009). Ternyata hampir 90% responden pasrah dan redha dengan ketentuan Allah S.W.T. Kenyataannya adalah seperti berikut R1, R2, R3 dan R4 walaupun R5 sedikit tidak pasrah dan redha:

... kmk kena ketok pakai payung . Tapi sebab makcik tau makcik dah ambik laki orang. Jadi makcik terima ja lah apa yang berlaku waktu tu pasrah dan redha...(R1)

... Dia pun nak lagi kat kmk. Kmk pun pempuan, nak boleh polah apa. Kalau kmk mintak cerai pun tak kan mungkin kalau laki nak kat kmk ohh.... Kecualilah kalau laki kmk dah sik mau ngan kmk.... Jadi kmk pun pasrah lah...redha jak lah kmk...(R2)

... Kita tentulah terasa. Tapi saya tau nilah jalan yang saya pilih dan saya kena jalan jugaklah sebab dah kawin dengan laki orang...dah orang bujang tak nak ke makcik...(R3)

... Sebab kita redha. Nak buat apa pertikaikan apa yang Allah dah bagi pada kita. Yang tu yang Dia bagi pada kita, kita terima ja lah... pasrah ja lah kan..(R4)

Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat beberapa jenis pemikiran bagi responden menerima bersedu, membuat keputusan untuk terus bersedu dan apa yang difikirkan dalam meneruskan kehidupan bersedu. Antara jenis pemikirannya adalah agama, jodoh, anak-anak, prinsip hidup, pasrah dan redha (Jankowiak, Sudakey & Wilreker, 2005; Jaymess, 2007). Ini selari dengan dapatan yang diperolehi oleh pengkaji iaitu sub sub-tema agama, jodoh, anak-anak, prinsip hidup, pasrah dan redha. Rata-rata responden amat bersetuju perkara pokok dalam pemikiran adalah kemampuan wanita yang bersedu untuk merasionalkan pemikiran, membuat keputusan bagi tujuan tertentu dan kemampuan untuk menghadapi sesuatu masalah dalam kehidupan mereka adalah melalui redha dan ini disokong dalam Rizki, (2008); Karim Hilmi, Juhan & Mohd Puzhi, (2008); Nur Zahidah & Raihanah (2011).

Perhubungan yang baik dalam sesebuah keluarga amat penting bagi menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan dalam rumah tangga tambahan lagi bagi keluarga yang berpoligami. Bukan sahaja hubungan baik dengan suami dan anak-anak perlu dijaga tetapi hubungan antara sesama isteri yang lain juga perlu dipertimbangkan yang ada disentuh dalam Leli Nurohmah. (2003); Mohd Amirruddin (2005); Mohd Zariat (2008); Karim Hilmi, Juhan & Mohd Puzhi (2008) untuk mewujudkan perkahwinan yang bahagia walaupun berpoligami, setiap isteri perlulah saling faham-memahami dan hormat-menghormati antara satu sama lain supaya dapat menjalani kehidupan berkeluarga dengan suasana yang normal seperti orang lain. Poligami ini ada dalam Islam dan Rasulullah S.A.W. sendiri terlibat dengan poligami yang merupakan Sunnah kepada umat Islam jika mengamalkannya. Sesungguhnya, poligami walaupun sentiasa menjadi isu hangat dan kadang dipandang jenkil oleh sesetengah pihak, tetapi ada banyak hikmahnya dan jawapan kenapa Allah S.W.T. membenarkannya, *wallhualam* (Rizki, 2008; Karim Hilmi, Juhan & Mohd Puzhi, 2008).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, bermadu tidak “semanis madu” yang dalam perkataan madu tersebut dari segi Bahasa. Ianya merupakan racun yang “membunuh” kebanyakan wanita dan institusi rumah tangga. Bukan calang-calang wanita yang boleh bermadu dan berkongsi suami dengan wanita lain. Seseorang yang hidup bermadu harus menempuh pelbagai cabaran yang bukan hanya satu sudut malah pelbagai sudut yang telah dibincangkan dalam dapatan kajian ini. Suami pula perlu pandai serta berhikmah dalam berpoligami jika ingin berjaya mengendalikan rumah tangga yang lebih daripada seorang isteri. Selain kaunselor, semoga maklumat yang dikongsikan dalam kajian ini dapat dijadikan panduan yang terbaik buat wanita dan pasangan yang memilih untuk berpoligami dalam hidup serta ahli masyarakat secara langsung dan tidak langsung.

RUJUKAN

- Ahmad Sunawari Long, Jaffary Awang, & Kamaruddin Salleh. (2004). *Islam: Past, Present and Future*. Selangor: Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies UKM.
- Azizah Hamzah. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 6(1).
- Cresswell, J. (1998). *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Diah Sulistyorini. (2009). *Thinking*. Universitas Negeri Malang.
- Eni Setiati. (2007). *Hitam putih poligami: Menelaah perkahwinan poligami sebagai sebuah fenomena*. Jakarta: Cisera Publishing.
- Falen, D. J. (2008). Polygyny and Christian marriage in Africa: The case of Benin. *Africa Studies Review*, 51(2), 51-75.

- Hafiz Firdaus Abdullah. (2012). *202 Pelajaran Berkenaan Poligami*. Johor Baru, Malaysia: Perniagaan Jahabersa.
- Haron Din. (2007). *Islam: Panduan Komprehensif Keluarga Bahagia*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Huston, T. L. (2000). The social ecology of marriage and other intimate unions. *Journal of Marriage and the Family*, 62 (2), 298-320.
- Idha Aprilyana Sembiring. (2007). Berbagai-bagai faktor penyebab poligami di kalangan pelaku poligami di Kota Medan. *Jurnal Equality*, 12(2), 112-119.
- Irfan Fahmi. (2014). Proses pengambilan keputusan menjadi isteri kedua dalam perkahwinan poligami pada wanita berpendidikan tinggi. *Psymphatic, Jurnal Ilmiah Psikologi Juni*, 1(2), 231-243.
- Jankowiak, W., Sudakov, M., & Wilreker, B. C. (2005). Co-wife conflict and co-operation. *Ethnology*. 44 (1), 81-98.
- Jaymess, C. G. (2007). *Kehidupan dua orang wanita bermadu* (Degree's thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Johor Bahru: Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial*. Johor Bahru: Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Karim Hilmi Farhat Ahmad, Juhan Che Yaman, & Mohd Puzhi Usop. (2008). *Poligami: Kesenangan atau kesengsaraan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Kartono. (2006). *Perilaku Manusia..* ISBN. Jakarta.
- Lathifah Nur Lailiyah, Ayunda Hardiyanti, Jauharotun Nafi'ah, & Risyda Zakiyah Hanim. (2015). *Emosi*. Universitas Jember.
- Leli Nurohmah. (2003). Poligami, saatnya melihat realitas. *Jurnal Perempuan*, 31, 31-45.
- Melati Sumari., Ida Hartina Ahmed Tharbe, Norfaezah Md Khalid, & Azmawaty Mohamad Nor. (2014). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Amiruddin Basri. (2005). *Kajian tentang poligami di kalangan lelaki pertengahan umur* (Degree's thesis). Universiti Malaysia Sarawak.

- Mohd Zariat Abdul Rani. (2008). Poligami dan gender dalam *Tok Guru* karya Shahnnon Ahmad dan *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan. *Akademika* 74, 3-20.
- Moleong, J. L. (2000). *Metodologi Penelitian Kualitatif (Edisi Revisi)*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Musdah Mulia. (2000). *Pandangan Islam tentang poligami*. Jakarta: Lembaga Kajian Agama dan Gender dengan Persekitaran Solidaritas Perempuan dan The Asia Foundation.
- Norsaadah Din., Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, & Ahmad Nazeer Zainal Arifin. (2014). Membina perkahwinan berdaya tahan sepanjang hayat melalui pendekatan Al-Quran dan Al-Sunah. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam Kuis*, 7(1), 174-187.
- Nurul Adni Adnan. (2012, February 27). *Poligami: Bersedia hadapi ombak perasaan~Cahaya hati menuju Ilahi* [Web log post]. Retrieved from <http://sisi-kehidupan.blogspot.my/2012/02/poligami-bersedia-hadapi-ombak-perasaan.html>
- Nur Zahidah Jaapar & Raihanah Azahari. (2011). Model keluarga bahagia menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, (8), 25-44.
- Pupu Saeful Rahmat. (2009). Penelitian kualitatif. *Equilibrium*, 5(9), 1-8.
- Rizki Zulaikha Parlina. (2008). *Interaksi sosial dalam keluarga yang berpoligami*. Universitas Sumatera Utara.
- Rusli Ahmad, Hasbee Usop, Azman Ismail, Sopian Bujang, & Nur Naha Abu Mansor. (2014). *Conducting Research in Social Sciences and Management Studies: Practical and a step-by-step guide*. Malaysia: RS Publishing House.
- Zuhayati Yazid (2010, February 15). *Sukarnya berbahagi suami*. Slot Bicara Agama, Utusan Malaysia.